

>>Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Hargai keharmonian

3,000 berhimpun buat pertama kali rai Hari Keamanan Antarabangsa

KUALA LUMPUR: Lebih 3,000 orang berhimpun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam sempena tarikh 21 September yang diisytiharkan sebagai Hari Keamanan Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Acara yang dianjurkan Majlis Veteran Angkatan Tentera Malaysia bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya keamanan demi kepentingan manusia sejagat.

Pada masa sama, tepat jam 12 tengah hari orang ramai di seluruh dunia bertafakur selama seminit sebagai simbolik mengingati mangsa pertempuran di seluruh dunia.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata tarikh itu

akan menjadi acara penting negara setiap tahun sebagai tanda sokongan kerajaan terhadap usaha menuntut keamanan.

"Acara ini diadakan buat kali pertama dan ia bakal diraikan setiap tahun pada 21 September apabila diisytiharkan sebagai Hari Keamanan

oleh PBB.

"Menerusi acara penting ini, kita harapkan ia dapat meningkatkan perpaduan serta keharmonian masyarakat di Malaysia khususnya," katanya selepas mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyempurnakan acara 'Walk

for Peace 2008', semalam.

Hadir sama di majlis itu, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Abdul Aziz Zainal; Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Aziz Jaafar; Pengerusi Jawatanku-

asa Penganjur, Mej Jen Datuk Khairuddin Abu Bakar; bekas PAT, Jen (B) Tun Ibrahim Ismail; bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar dan Presiden Persatuan Veteran Sedunia dan Majlis Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Lt Kol Datuk Hamid Ibrahim.



SEMANGAT...sebahagian peserta mengibarkan Jalur Gemilang sempena 'Walk For Peace 2008, semalam.